

Beri tumpuan isu jurang digital

Putrajaya: Menjelang Sidang Kemuncak Asean ke-46 yang dijadual berlangsung beberapa hari sahaja lagi, rakyat Malaysia berharap isu perubahan iklim, jurang digitalisasi dan keselamatan makanan diberi tumpuan oleh pemimpin rantau itu.

Petugas Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat Universiti Putra Malaysia (UPM), Noor Eszeleen Juferi, 44, berkata, harapan itu sejajar dengan komitmen Asean untuk membina sebuah rantau yang lebih inklusif dan mampan.

“Isu perubahan iklim dan jurang digital, khususnya dalam kalangan komuniti pedalaman, masih menjadi cabaran besar. Harapan saya ialah Malaysia dapat memainkan peranan utama dalam memperkukuh kerjasama serantau berkaitan keselamatan makanan, krisis iklim dan pemeraksanaan digital,” katanya.

Beliau turut berharap Sidang Kemuncak Asean 2025 membincangkan lebih banyak inisiatif memberi tumpuan kepada peluang ekonomi dan pekerjaan, terutama untuk generasi muda melalui sektor pendidikan, pelancongan dan pembangunan bakat.

Senada dengan beliau, Angel Ng, 42, berpendapat Asean perlu memanfaatkan kelebihan yang dimiliki seperti kekayaan sumber semula jadi dan kepelbagaian budaya sebagai daya tarikan pelancongan untuk manfaat bersama negara anggotanya.

Selain itu, katanya, perkara ini dapat dicapai melalui semangat kejiranan Asean yang menekankan sokongan antara satu sama lain.

“Bersama-sama, kita mampu membina Asean yang lebih kukuh, hijau dan juga bersatu,” kata penjawat awam itu. - Bernama